



مجلس فرینغان سلايڠ
Majlis Perbandaran Selayang

BUKU PANDUAN ADUAN

SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

SALURAN ADUAN

Talian Aduan Bebas Tol MPS	1800 222 677
Hotline MPS	03-61389898
e-Aduan	Aduan STARS (stars.mps.gov.my)
e-Mail Aduan MPS	aduanmps@mps.gov.my
Aplikasi Mobile MPS - Aduan MPS	Muat turun melalui Google Play / App Store
Surat	Majlis Perbandaran Selayang, Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor
Faksimili	03-61382728
Datang Sendiri	Kaunter Aduan, Menara MPS



APLIKASI



1. Aduan MPS

- Majlis Perbandaran Selayang mempunyai satu saluran aduan awam menerusi aplikasi mobile. ADUAN MPS merupakan satu aplikasi mobile yang digunakan bagi memudahkan pelanggan Majlis Perbandaran Selayang untuk membuat sebarang aduan. Aplikasi ini boleh dilayari oleh pengguna Android & iOS.



2. Flexi Parking

- Aplikasi ini adalah aplikasi parking yang bertujuan untuk memudahkan bayaran parking di kawasan MPS. Hanya 3 minit, anda telah membayar tempat letak kereta anda pada bila-bila masa, di mana sahaja, apa-apa keadaan cuaca dan boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja.



APLIKASI



3. Jom Pay

- Dengan JomPAY, anda boleh menikmati kemudahan membuat bayaran cukai taksiran menggunakan dana dari akaun simpanan atau akaun semasa. Selain itu, pelanggan juga boleh menggunakan akaun kad kredit untuk bayaran Cukai Taksiran. Melalui JomPAY, transaksi anda lebih cepat, selamat, dan mudah.



4. Waze

- Warga Selangor boleh membuat laporan tentang jalan berlubang di sekitar jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri dengan menggunakan Waze.

1. Buka Waze, pilih yang orange bubble
2. Hazard
3. On road
4. Pothole

APLIKASI



5. Smart Selangor SITS

- Pengguna Bas Smart Selangor kini boleh memuat turun aplikasi Selangor Intelligent Transport System (SITS) bagi mendapat maklumat 34 lokasi laluan Bas Smart Selangor.

MASALAH LAMPU JALAN

Pengadu perlu mengenalpasti lampu jalan tersebut samada :




a) Lampu jalan jenis tiang antik, tiang konkrit dan tiang galvanis (Dimiliki oleh MPS)

- Kenalpasti lampu MPS melalui nombor tiang yang tertera dengan nama taman, bilangan tiang dan logo MPS.

MASALAH LAMPU JALAN

c) Lampu jalan di jalan utama (Dimiliki oleh JKR)

- Kenalpasti lampu jalan JKR melalui label sticker di tiang lampu jalan yang menunjukkan ia dibawah selenggaraan pihak JKR. Pengadu perlu membuat aduan kepada pihak JKR.
- Talian aduan JKR : 1-300-888-557



MASALAH LAMPU ISYARAT

Majlis Perbandaran Selayang

Lampu isyarat MPS biasanya dikawasan taman dan MPS hanya menyelenggara 10 lampu isyarat di kawasan Selayang. Terdapat papan aduan kerosakan di letakkan di lampu isyarat yang mengandungi nombor telefon untuk dihubungi jika berlaku kegagalan pada lampu isyarat MPS.
- Talian aduan: 1 800 222 677



Jabatan Kerja Raya (JKR)

Lampu isyarat di jalan utama. Papan aduan kerosakan diletakkan di lampu isyarat mengandungi nombor telefon untuk dihubungi jika berlaku kegagalan pada lampu isyarat JKR.

- Talian aduan JKR :
1-300-888-557

MASALAH JALAN



Peta menunjukkan jalan dan longkang yang berada di bawah pengurusan JKR, MPS dan JMB

MASALAH JALAN

• Majlis Perbandaran Selayang

Masalah jalan berlubang/ rosak di taman perumahan dan komersil adalah dibawah bidang kuasa MPS.



• Jabatan Kerja Raya (JKR)

Jalan persekutuan dan Jalan Negeri di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya.

- Talian aduan JKR : 1-300-888-557

• Joint Management Body (JMB)

Jalan di dalam Gated & Guarded di bawah bidang kuasa Joint Management Body (JMB) atau Management Committee (MC)

MASALAH JALAN

• Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Daerah Tanah Gombak

Sebahagian jalan-jalan di kawasan kampung adalah dibawah seliaan Pejabat Tanah Gombak (PLB) dan Majlis Perbandaran Selayang.

- Talian PLB Pejabat Daerah Tanah Gombak : 03-6126 1436



- Bagi kerosakan jalan disebabkan manhole, periksa dahulu jenis manhole tersebut seperti IWK, SYABAS, TNB atau utiliti yang lain.

MASALAH JALAN

Nota:

Warga Selangor boleh membuat laporan tentang jalan berhubung di sekitar Jalan MPS dan JKR dengan menggunakan aplikasi **WAZE**

Cara:

1. Buka **WAZE**, pilih *Orange Bubble*
2. *Hazard*
3. *On Road*
4. *Pothole*



MASALAH LONGKANG

• Majlis Perbandaran Selayang

Longkang rosak di kawasan perumahan dan kawasan komersil adalah dibawah bidangkuasa MPS.



• Jabatan Kerja Raya (JKR)

Longkang di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya.

- Talian aduan JKR : 1-300-888-557

• Joint Management Body (JMB)

Longkang di dalam Gated & Guarded di bawah bidang kuasa Joint Management Body (JMB) atau Management Committee (MC).

MASALAH LONGKANG

- Pembangunan Luar Bandar (PLB), Pejabat Daerah Tanah Gombak**

Sebahagian longkang di kawasan kampung adalah di bawah seliaan Pejabat Tanah Gombak (PLB) dan Majlis Perbandaran Selayang.

- Talian PLB Pejabat Daerah Tanah Gombak : 03-6126 1436



- Jabatan Pengairan dan Saliran**

Kolam takungan, sungai atau anak sungai adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran

- Talian aduan JPS : 03-5544 7376

PEMBERSIHAN / PENYELENGGARAAN LONGKANG

Kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang

- a) Kawasan perumahan : 2 minggu sekali
- b) Kawasan komersil : 6 kali seminggu



STRUKTUR HARAM / KERJA TANAH HARAM

Jika mendapati sebarang struktur haram atau kerja tanah haram, sila membuat aduan kepada MPS untuk mengambil tindakan.



CERUN

Majlis Perbandaran Selayang

Aduan berkaitan cerun runtuh atau hakisan cerun di dalam rezab jalan MPS dan struktur tembok melebihi 3 meter.



Jabatan Kerja Raya (JKR)

Cerun di dalam rezab Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya.

- Talian aduan JKR : 1-300-888-557

MASALAH POKOK DI BAWAH PENYELENGGARAAN MPS

MPS hanya mengambil tindakan terhadap pokok yang dibawah penyelenggaraan MPS sahaja.

Kategori masalah pokok :

- a. Pokok Rimbun
 - Dahan memasuki lot persendirian
 - Halang jalan
 - Menutupi lampu jalan/ lampu isyarat
 - Menutupi papan tanda
- b. Pokok Condong
- c. Dahan Patah/ Sekah
- d. Pokok mati/ reput
- e. Pokok yang merosakkan infra seperti
 - Longkang
 - Jalan
 - Laluan pejalan kaki

Nota:

Pokok dalam kawasan berpagar (berpemilik) adalah diluar bidang kuasa Jabatan Landskap MPS.

MASALAH POKOK BUKAN DI BAWAH PENYELENGGARAAN MPS

Kategori masalah :

- a. Aduan pokok persendirian atas rizab kerajaan (cth : pokok buah-buahan, herba, tanaman dalam pasu dan lain-lain)
 - Tanggungjawab pemilik pokok tersebut.
- b. Aduan pokok dalam kawasan JMB
 - Tindakan adalah dibawah tanggungjawab pihak JMB.



POKOK TUMBANG



Pokok yang ditanam oleh MPS atau ditanam oleh pemaju dan telah diserahkan kepada MPS.

Boleh hubungi :

a. Bomba : 999 (24 jam)

b. Hotline Jabatan Landskap :

03-61266016

(8.00 am- 5.00 pm)

c. Hotline Aduan MPS :

1 800 222 677

(8.00 am- 5.00 pm)

PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBERSIHAN AWAM DI KAWASAN TAMAN AWAM / KAWASAN LAPANG

Sapuan

- a) Kawasan Lapang
 - 3 kali seminggu

Pemotongan Rumput

- a) Taman Awam
 - 2 kali sebulan (Setiap 15 hari pusingan)
- b) Kawasan Lapang
 - 2 Kali sebulan (Setiap 15 hari pusingan)



MASALAH KERETA BURUK / TERBIAR

Orang awam boleh membuat aduan kepada pihak MPS untuk dialihkan.

Proses tindakan :

- a) MPS akan mengeluarkan notis pemakluman kepada pemilik kenderaan supaya mengalihkan kenderaan tersebut.
- b) Setelah tamat tempoh notis (matang) dan notis pemakluman tidak dipatuhi, pihak MPS akan menjalankan tindakan penguatkuasaan iaitu tindakan sitaan/ tunda ke atas kenderaan tersebut.
- c) Orang Kena Sita (OKS) yang ingin membuat tuntutan ke atas kenderaan yang telah disita perlu menyediakan dokumen yang diperlukan dan membuat pembayaran ke atas sitaan dan caj simpanan mengikut prosedur yang ditetapkan.
- d) Pemilik kenderaan boleh membuat tuntutan kenderaan selepas 14 hari dari tarikh sitaan dibuat.

MASALAH KERETA BURUK / TERBIAR

e) Selepas hari ke-15 dari tarikh sitaan, sekiranya pemilik tidak membuat tuntutan ke atas kenderaan tersebut, Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan akan mengenakan caj simpanan sebanyak RM 50/hari.

f) Untuk pertanyaan mengenai tuntutan kenderaan buruk, boleh hubungi talian :

- Unit Logistic/ Unit Tunda : 03-6126 6009/ 6041
- Faks : 03-6120 2215



Nota:

Aduan berkaitan kenderaan muatan berat yang perlu dialihkan atau diletakkan di bahu jalan/ halangan, aduan perlu disalurkan kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

- Talian aduan JPJ : 03-8000 8000

MASALAH STRUKTUR HARAM / KUIL HARAM / SAMPAH HARAM

Orang awam boleh membuat aduan jika mendapati sebarang binaan struktur haram dan aduan mengenai pembuangan sampah haram.



KUTIPAN SAMPAH

Sampah Domestik

Kekerapan jadual kutipan sampah :

- | | |
|--------------------------|---------------------------------|
| a) Kawasan perumahan | : 3 kali seminggu |
| b) Kawasan komersil | : 6 Kali seminggu |
| c) Kawasan Perindustrian | : Dibawah Tanggungjawab sendiri |



Sampah Pukal

Kekerapan jadual kutipan sampah :

- | | |
|----------------------|-------------------|
| a) Kawasan perumahan | : 1 kali seminggu |
| b) Kawasan komersil | : 1 kali seminggu |

PERMIS MAKANAN KOTOR

Jika terdapat premis makanan tidak menepati garis panduan kebersihan, aduan boleh buat kepada MPS.



Aduan berkaitan Grease Trap yang tidak diselenggara atau air terus dialirkan ke dalam longkang.

MASALAH HAIWAN LIAR / HAIWAN PELIHARAAN

Sebarang aduan berkaitan haiwan seperti anjing, kucing, lembu, tikus, ungas dsb boleh dibuat kepada MPS berserta nombor telefon bagi memudahkan tindakan diambil.



Aduan berkaitan haiwan liar (Contoh : Kera, gajah, burung walid) :- Sila hubungi Jabatan PERHILITAN di talian 03-9086 6800 (Ibu Pejabat PERHILITAN) atau pejabat Jabatan PERHILITAN Negeri yang berhampiran.

Aduan juga boleh disalurkan melalui surat kepada Ketua Pengarah, Jabatan PERHILITAN, KM. 10, Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur; atau menggunakan sistem eAduan seperti yang terdapat di dalam laman web Jabatan PERHILITAN <http://www.wildlife.gov.my>

Nota:

Syarat-syarat pelesenan anjing boleh diperolehi dengan melayari Laman Web MPS di www.mps.gov.my

Laman Web : www.mps.gov.my
Facebook : MPSelayang
Twitter : @MPSelayang
Instagram : @mpselayang

Diterbitkan Oleh JKP Zon 24
Dengan Kerjasama
Jabatan Korporat,
Majlis Perbandaran Selayang

Copyright 2019